




**KENYATAAN MEDIA
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II
NEGERI SABAH**

A LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak **34 kes**, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **54,657 kes**. Dua (2) kes kematian direkodkan pada hari ini iaitu di daerah Kota Kinabalu dan Tawau. Takziah diucapkan kepada keluarga yang terlibat.

- 2 Jumlah pesakit COVID-19 discaj dari hospital / sembah ialah 32 menjadikan jumlah kumulatif 53,809 orang. Seramai 408 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 170 orang di hospital dan 238 orang di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam. Bilangan pesakit dalam ICU pula ialah 30 orang dan 14 orang lagi memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*).

3 Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Daerah Nabawan berubah dari zon merah ke zon jingga.

4 Pecahan daerah mengikut zon:

- Zon Merah empat (4) daerah
 - Zon Jingga lima (5) daerah
 - Zon Kuning 14 daerah
 - Zon Hijau empat (4) daerah

- 5 Daripada 34 kes positif COVID-19, sebanyak 19 kes (55.9%) adalah berpunca dari saringan kontak rapat, tiga (3) kes (8.8%) saringan bergejala, tujuh (7) kes (20.6%) dari kluster sedia ada serta lima (5) kes (14.7%) dari lain-lain kategori.
- 6 Jumlah kapasiti katil 4,196 unit
 - Hospital 478 unit
 - Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam 3,298 unit
 - Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara 420 unit.

Peratus penggunaan katil 9.72%.

B STATISTIK VAKSINASI NEGERI SABAH

- 1 Setakat ini, seramai **14** orang telah menerima suntikan vaksin harian Dos 1 menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **42,292** orang.
- 2 Sabah telah menyelesaikan sasaran bagi suntikan vaksin fasa 1(dose 1) sebanyak 42,292 dan masih meneruskan bagi dos ke 2 sehingga April ini.
- 3 Bagi Dos 2 vaksin Pfizer BioNTech, seramai **2,716** orang telah menerima suntikan hari ini menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **11,406** orang.

C BANTUAN BAKUL MAKANAN (*FOOD BASKET*)

Sejumlah **291,411** bakul makanan diagihkan pada hari ini kepada golongan yang terkesan di bawah Program Bantuan Prihatin COVID-19 2.0.

D LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, SANITASI DAN HEBAHAN AWAM *INFO ON WHEELS*

- 1 Sejumlah 28 SJR dilaksana dalam tempoh 24 jam, melibatkan pemeriksaan 10,909 buah kenderaan. Daripada jumlah tersebut, 35 buah kenderaan diarah berpatah balik. Pada hari ini, PDRM melaksanakan 58 hebah melalui kereta peronda dengan tiada tangkapan dibuat.

- 2 Sebanyak tiga (3) kompaun dikeluarkan Polis Kontinjen Sabah kerana melanggar SOP COVID-19.
 - Kota Kinabalu : tiga (3) orang
 - Inanam : (tidak memakai pelitup muka / tiada penjarakan sosial)
- 3 Penguatkuasaan SOP turut dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) melibatkan 107 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 29 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan. Hasil pemeriksaan, empat (4) tangkapan telah dibuat di bawah Enakmen Pelabuhan dan Dermaga Sabah 2002.
- 4 Rondaan Agen Basmi COVID-19 (ABC-19) dan Rondaan Pemantauan Pematuhan SOP Peringkat Komuniti oleh Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) telah dilaksanakan di 422 lokasi melibatkan seramai 187 anggota APM.
- 5 Sementara, rondaan sama dilaksanakan melibatkan 74 anggota RELA di 77 lokasi.
- 6 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sabah telah melaksanakan sanitasi awam di enam (6) premis, melibatkan lima (5) buah daerah iaitu Kota Kinabalu, Keningau, Sandakan, Kinabatangan dan Lahad Datu.
- 7 Sejumlah 57 hebahan awam dibawah program *Info On Wheels* Jabatan Penerangan Malaysia Sabah dilaksanakan di 10 daerah pada hari ini.
- 8 Hebahan umum turut dilaksanakan oleh Unit Promosi Kesihatan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah sebanyak 223 hebahan diseluruh sabah.

E KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN PEMULIHAN (PKPP)

- 1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP PKPP pada hari ini ialah **97%**.
Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

BIL	DAERAH	PERATUS
1	Semporna	98%
2	Sipitang	97.5%
3	Sandakan	97%
4	Kota Kinabalu	97%
5	Kunak	97%
6	Lahad Datu	97%
7	Beluran	97%
8	Beaufort	97%
9	Penampang	97%
10	Kudat	97%
11	Papar	97%
12	Kota Marudu	97%
13	Tuaran	97%
14	Ranau	96.5%
15	Kinabatangan	96%
16	Tawau	96%
17	Tenom	96%
18	Kota Belud	95.5%
19	Keningau	95%

- 2 Ayuh, daftarkan diri anda untuk vaksin COVID-19 melalui MySejahtera.

Sekian.

#LindungDiriLindungSemua

YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN

DAN

MENTERI KEWANGAN II

29 Mac 2021